



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/03/54 (HQ)

PENGGUNA METER PINTAR & APLIKASI MYTNB BAKAL TERIMA LEBIH MANFAAT

- Ciri baharu diperkenalkan sebelum hujung tahun 2021

Pengguna meter pintar dan aplikasi myTNB bakal menerima lebih banyak manfaat menerusi penambahan ciri-ciri baharu serta naik taraf perkhidmatan, selewat-lewatnya pada suku keempat tahun ini.

Antara ciri baharu yang bakal dinikmati pengguna adalah pemberitahuan pengesanan gangguan bekalan dan pemberitahuan notis gangguan bekalan berkala, kata Pengarah Projek Advanced Metering Infrastructure (AMI) Tenaga Nasional Berhad (TNB), Ir. Mohamed Ghous Ahmad.

“Menerusi ciri Energy Budget pula, pengguna dapat merancang jumlah atau had penggunaan elektrik bulanan dan akan menerima notifikasi (alert) apabila jumlah bil sasaran bulanan telah mencapai had yang ditetapkan.”

“Satu lagi ciri meter pintar adalah keupayaannya mendorong pengguna menggunakan elektrik dengan lebih efisien dan jimat tenaga, sekaligus membantu mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke alam sekitar,” kata Ghous.

Jelasnya, ciri-ciri baharu ini adalah bertepatan dan bersesuaian dengan usaha TNB mendukung dan merealisasikan hasrat kerajaan memberi manfaat kepada rakyat dengan memperkasakan bidang ekonomi digital.

Beliau berkata demikian ketika memberi taklimat pada satu lawatan kerja Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Noor Afifah Abdul Razak dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Abdul Razib Dawood di Pusat Operasi Meter Pintar, pada 23 Mac 2021.

Turut hadir, Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (Chief Distribution Network Officer) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood; Ketua Pegawai Kawal Selia dan Pengurusan Stakeholder (Chief Regulatory & Stakeholder Management Officer) TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

TNB telah memasang lebih 1 juta meter pintar setakat ini iaitu 788,000 pemasangan melibatkan pengguna di Lembah Klang manakala 317,000 lagi di Melaka.

Pemasangan meter akan diperluaskan kepada kesemua 9.1 juta pengguna di Semenanjung Malaysia menjelang 2026.

Sehingga akhir bulan lalu, lebih 4.8 juta akaun pengguna berdaftar telah menggunakan aplikasi myTNB. Kombinasi aplikasi ini dan meter pintar membantu pengguna mengawal dan memantau penggunaan elektrik mereka.

TNB merupakan ejen pelaksana program pemasangan smart meter bagi menyokong hasrat kerajaan memperkasa pengguna dan meningkatkan pendigitalan dalam kalangan rakyat. Ia dilaksanakan di bawah mekanisme Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR).

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Mac 2021, jam 12:00 t/hari

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad adalah syarikat utiliti Malaysia yang terkemuka di Asia dengan penglibatan di peringkat antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turki, Arab Saudi, Pakistan, India dan Indonesia. Ia berhasrat untuk menjadi penyedia penyelesaian tenaga lestari terkemuka di Malaysia dan antarabangsa. Di bawah komitmen kelestarian Kumpulannya, TNB mensasarkan kapasiti penjanaaan RE sejumlah 8.3 GW menjelang 2025. Kumpulan ini berhasrat untuk berhenti melabur dalam loji janakuasa arang batu baharu (greenfield) dan mengehadkan pendapatan daripada loji janakuasa arang batunya pada 25%.

Dalam bidang tenaga boleh baharu, TNB mempunyai portfolio keseluruhan 2,732.3MW di Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 666MW di seluruh UK, Turki dan India, yang kebanyakannya adalah daripada aset penjanaaan tenaga solar, angin dan hidro.

Kegiatan teras TNB melibatkan penjanaaan, penghantaran, dan pembekalan elektrik. Selain menjadi syarikat penjanaaan elektrik utama negara, TNB juga menghantar dan membekal elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 September 2020, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10 juta pelanggan.

TNB melalui anak syarikatnya, juga terlibat dalam pembuatan transformer, alat suis voltan tinggi dan kabel; penyedia perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan dan operasi serta penyelenggaraan kemudahan penyeyjukan daerah, peralatan penjanaaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan bekalan bahan bakar; perkhidmatan yang berkaitan dengan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti tenaga; pendidikan tinggi dan latihan kemahiran di samping menjalankan penyelidikan dan pembangunan.



Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Noor Afifah Abdul Razak (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga (ST), Abdul Razib Dawood (dua, kanan) meninjau operasi di Pusat Operasi Meter Pintar (SMOC) di TNB Jalan Timur dalam satu lawatan, pada 23 Mac lalu.

Hadir sama semasa lawatan, Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (Chief Distribution Network Officer) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood (belakang dua, kanan), Ketua Pegawai Kawal Selia dan Pengurusan Stakeholder (Chief Regulatory & Stakeholder Management Officer) TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman (dua, kiri) dan Pengarah Projek Advanced Metering Infrastructure (AMI) TNB, Ir. Mohamed Ghous Ahmad (kiri).